

"Tolong Kendurkan Kempen," kata Dr. M

"Perwakilan sudah dapat gambaran calon pilihan mereka' Kendurkan Kempen, nasihat Mahathir," kata kepala muka hadapan Utusan Melayu Jun 9, 1981. Berita berikutnya berkata, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan calon-calon yang bertanding dalam Perhimpunan Agung UMNO Jun 26, ini supaya mengendurkan kempen mereka mulai sekarang. (Nota: Lawan "kendur" ialah "tegang"... dan seperti kita sedia maklum satu-satu benda — tali, misalnya — yang berada dalam "keadaan tegang" terlampau lama tidak akan tahan lama, yakni, cepat putus).

Bellau juga mengingatkan mereka supaya jangan terlalu kerap membuat kenyataan terbuka, khususnya memperkecil-kecilkan calon lain.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan sidang Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Daerah di Kuala Lumpur semalam, bellau menegaskan para perwakilan kini sudah mendapat gambaran jelas calon mana yang harus mereka pilih dan terpulanglah kepada mereka membuat pilihan itu.

Komen Penulis:

Dari perkataan "gambaran" (berpunca dari perkataan "gambar") yang disebutkan oleh Datuk Seri Dr M tadi maka teringatlah penulis kepada satu-satu gambar dalam TV warna, yang bila "terlampau tebal" warnanya — seperti misalnya rumput atau daun yang diberi warna lebih hijau daripada warna rumput atau daun biasa — ianya bukan sahaja kelihatan "artificial" dan tidak menyedapkan mata orang yang melihatnya malah mungkin membosankan... Begitulah jua keadaan dengan "make-up" (di muka wanita) yang terlalu tebal — ia akan menimbulkan perasaan meluat" di kalangan orang yang melihatnya!

Dan satu perkara lagi, seperti diuarakan oleh Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar, beberapa hari yang lalu kepada "Berita Harian", sebarang kempen harus tidak keterlaluan dan menjejaskan imej peribadi seseorang tokoh. Katanya lagi, "parti-parti pembangkang adalah memerhatikan dengan penuh minat dan mereka akan mengambil kesempatan sebarang kesilapan dan kelemahan kita terutama yang boleh menjejaskan parti."

Dalam bahasa lain, jika seseorang calon atau penyokong-penyokongnya "terlajak", dalam konteks memberi gambaran yang "kurang baik" terhadap calon lain (dari parti yang sama) orang-orang yang "memusuhi" parti tentu sekali (seperti diperingatkan oleh Datuk Mustafa Jabar tadi) akan membuat catitan yang sewajar dalam "Buku Hitam" mereka tentang perkara ini dan tidak akan teragak-agak mengeksploitasi ke peringkat maksima maklumat yang terkandung dalam catitan berkenaan sebagai bahan untuk memperkecil-kecilkan pimpinan parti yang memerintah — bila masa yang sewajar tiba nanti...



Kesimpulan: Apa yang diperkatakan secara ikhlas oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO Malaysia, dan Setiausaha Agung UMNO Datuk Mustafa Jabar tadi bolehlah agaknya diringkaskan begini: Calon-calon

(dan penyokong-penyokong mereka) yang berkempen di hari ini janganlah hendaknya terpengaruh se-ara keterlaluan oleh emosi dan keazaman hendak menang "at all costs"; sebaliknya mereka, selaku pemimpin-pemimpin rasional yang bertanggungjawab kepada Parti dan Negara, seharusnya berkempen dengan berpandukan kepada prinsip KESEDERHANAAN dan semangat Rukun Negara.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia